

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RMK 252 - Pengantar Pengurusan Projek

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA Soalan Sahaja. DUA dari Bahagian A dan TIGA dari Bahagian B.

BAHAGIAN A .

1. Sumber-sumber projek seperti bahan binaan, loji dan pekerja perlu diuruskan dengan baik untuk memastikan kerja-kerja ditapakbina berjalan dengan lancar. Satu kaedah yang berkesan untuk menguruskan sumber ialah dengan menggunakan kaedah 'Pengurusan Sumber'.

Dengan menggunakan satu Projek Kes (yang mempunyai antara 8 - 10 aktiviti) tunjukkan bagaimanakah sumber-sumber berkenaan di atur sepanjang tempoh projek.

Sediakan 1 (satu) Rajah sumber untuk setiap jenis sumber yang disebutkan. Andaikan tempoh projek dan bilangan/kuantiti sumber yang diperlukan untuk setiap aktiviti.

(20 markah)

2. Penyata Kaedah, Carta Bar dan Penyata Aliran Tunai merupakan 3 alat perancangan yang selalu digunakan dalam menguruskan sesuatu projek.

Nyatakan persamaan dan perbezaan fungsi ketiga-tiga alat tersebut dan nyatakan bagaimanakah ia dapat membantu dalam pengurusan projek. Gunakan rajah dan contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong jawapan anda.

(20 markah)

3. Sediakan Jadual Aliran Tunai, Geraj Aliran Tunai dan kelok Kos Masa berdasarkan maklumat projek yang berikut:

Harga Tender	:	RM78,000
Margin Keuntungan	:	30% dari kos projek
Tempoh Projek	:	6 bulan
Nilai Simpanan	:	5%
Tempoh Membaiki Kecacatan	:	3 bulan

Bayaran kemajuan dibayar sebulan selepas tarikh tuntutan. Andaikan keuntungan diagih samarata sepanjang tempoh projek.

(20 markah)

BAHAGIAN B - Jawab TIGA Soalan Sahaja.

4. a) Terangkan arus-arus pemikiran yang wujud didalam teori pengurusan dan organisasi.
- b) Nyatakan satu impak buruk akibat kewujudan pendapat yang berbeza-beza dan kadangkala bercanggah.

(20 markah)

5. "Prinsip dasar teori organisasi moden menyatakan struktur organisasi yang berlainan diperlukan bagi kaedah yang berlainan."

Bincangkan hakikat ini didalam konteks sebuah syarikat pembinaan.

(20 markah)

6. a) Jelaskan maksud konsep dibawah :
- Falsafah
 - Nilai
 - Tujuan
 - Objektif
 - Strategi
- b) Berikan SATU sebab kenapa ciri-ciri sesebuah organisasi itu patut dijelaskan mengikut konsep-konsep di atas, dan kemudiannya disebarkan kepada setiap pekerja.
- c) Berikan SATU sebab kenapa tindakan di atas tidak perlu dilakukan.

(20 markah)

7. Bincangkan kesesuaian Teori Kumpulan kepada seorang pengurus projek yang cuba mewujudkan pasukan yang elektif.

(20 markah)